

## TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMUDAHAN AMMONEYLINE

**Maklumat yang diberikan dalam Terma dan Syarat ini sah dari Disember 2025. Untuk semakan terkini log masuk ke [ambank.com.my](http://ambank.com.my).**

**PERINGATAN:** Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan pihak Bank menggalakkan anda untuk mendapatkan nasihat guaman bebas anda sendiri sebelum menandatangani Borang Permohonan. Sekiranya terdapat mana-mana terma dan syarat di sini yang anda tidak fahami, anda dinasihatkan untuk berbincang lanjut dengan wakil sah Bank sebelum menandatangani Borang Permohonan.

### **1. DOKUMENTASI**

- 1.1 Terma dan Syarat ini dibuat antara AmBank (M) Berhad [No. Pendaftaran 196901000166 (8515-D)] (selepas ini dirujuk sebagai "**Bank**") dan Pemohon (seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan) bagi Kemudahan AmMoneyLine (selepas ini dirujuk sebagai "**Kemudahan**") yang telah diluluskan oleh Bank (selepas ini Pemohon akan dirujuk sebagai "**Pelanggan**").
- 1.2 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama Borang Permohonan yang dilaksanakan oleh Pelanggan dan semua dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan yang akan membentuk satu perjanjian yang mengikat berhubung Kemudahan ini.

### **2. KEMUDAHAN**

- 2.1 Kemudahan ini adalah kemudahan pinjaman bertempoh tanpa cagaran.

### **3. TARIKH BERKUAT KUASA**

- 3.1 Pelanggan dengan ini memahami dan mengesahkan bahawa Kemudahan akan disediakan untuk pengeluaran tertakluk kepada kelulusan Bank dan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan berkuat kuasa dari tarikh Kemudahan ini diluluskan.

### **4. KELULUSAN KEMUDAHAN**

- 4.1 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pelaksanaan, penyerahan dan penyempurnaan dokumen yang dikehendaki oleh Bank dan Bank berhak untuk menolak atau menerima permohonan Kemudahan.
- 4.2 Bank boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan jumlah Kemudahan dan tempoh ansuran Kemudahan seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan atau meluluskan jumlah Kemudahan yang lebih rendah dan/atau tempoh ansuran yang lebih pendek.
- 4.3 Bank akan mengeluarkan pemberitahuan kelulusan melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") kepada Pelanggan, atau melalui panggilan telefon yang dirakam, untuk tujuan penerimaan sebelum pengeluaran Kemudahan. Sebarang perjanjian secara bertulis, lisan atau melalui pemberitahuan berkaitan dengan Kemudahan adalah sah dan mengikat Pelanggan, termasuk mana-mana surat, pemberitahuan atau sebarang bentuk perjanjian lain yang berkaitan dengan Kemudahan dan pengeluarannya.
- 4.4 Bank akan mengeluarkan surat pemberitahuan kelulusan dan pengeluaran ("Surat Pemberitahuan & Pengeluaran") berdasarkan terma yang terkandung di dalamnya dan mengkreditkan jumlah Kemudahan yang diluluskan ke dalam akaun semasa/akaun simpanan seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan, walaupun jumlah Kemudahan tersebut masih belum digunakan dalam akaun tersebut.

### **5. SYARAT TERDAHULU UNTUK PENGELUARAN**

- 5.1 Jumlah Kemudahan hanya akan dikeluarkan selepas semua syarat terdahulu seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5.2 di bawah dipenuhi dan memuaskan pihak Bank.
- 5.2 Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, Bank akan menyediakan jumlah Kemudahan untuk pengeluaran sekiranya:
- (i) Bank menerima Borang Permohonan yang lengkap dan ditandatangani bersama semua dokumen yang berkaitan;
  - (ii) Semua dokumen dan maklumat yang diterima adalah benar, tepat dan betul;
  - (iii) Bank berpuas hati dengan pengesahan terhadap dokumen Pelanggan yang diterima oleh Bank;
  - (iv) Berdasarkan semakan kredit Bank ke atas Pelanggan, tiada petunjuk negatif berkenaan Pelanggan;
  - (v) Proses pengesahan Pelanggan selesai. Proses ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, panggilan telefon kepada Pelanggan untuk mengesahkan kesahihan dan ketepatan dokumen yang dikemukakan. Pelanggan hendaklah bersetuju untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Bank semasa proses ini dan menyediakan sebarang maklumat atau dokumen tambahan yang diminta;
  - (vi) Pelaksanaan lengkap semua akad dan dokumen yang diperlukan oleh Pelanggan termasuk perjanjian agensi yang melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq bagi tujuan Kemudahan ini seperti yang dipersetujui dalam Pelantikan Ejen.

## **6. TERMA PENGELUARAN**

- 6.1 Bank akan mengeluarkan jumlah Kemudahan yang telah diluluskan ke dalam akaun semasa/akaun simpanan yang dinyatakan oleh Pelanggan di dalam Borang Permohonan selepas menolak semua fi dan caj, khususnya duti setem, yang perlu dibayar kepada Bank.
- 6.2 Pelanggan bersetuju bahawa, dengan memberikan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar notis terdahulu kepada Pelanggan, Bank boleh menukar atau meminda kaedah pengeluaran Kemudahan kepada Pelanggan menurut Klausa 6.1 di atas sekiranya terdapat kaedah tambahan pengeluaran yang tersedia untuk Pelanggan.
- 6.3 Pelanggan boleh membatalkan Kemudahan ini dengan memberikan notis bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh pengeluaran, dengan syarat jumlah Kemudahan yang dikeluarkan tidak digunakan. Selepas menerima notis pembatalan, Bank akan memulangkan caj keuntungan bulan pertama bersama duti setem yang telah dibilkan, dan mengenakan fi dan caj Akaun Semasa/Simpanan AmBank Islam (jika berkenaan) untuk penutupan awal, dan seterusnya Kemudahan akan dibatalkan/ditutup. Jika sebahagian daripada jumlah Kemudahan telah digunakan dan/atau dipindahkan ke kemudahan/akaun institusi kewangan lain, pembatalan Kemudahan tidak dibenarkan.

## **7. FAEDAH**

- 7.1 Pelanggan bersetuju untuk membayar faedah yang dikenakan ke atas jumlah Kemudahan pada kadar yang ditentukan oleh Bank.

## **8. PEMBAYARAN BALIK OLEH PELANGGAN**

- 8.1 Sepanjang tempoh pembayaran balik, jumlah prinsipal bersama jumlah faedah hendaklah dibayar melalui ansuran bulanan yang sama seperti yang dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan AmMoneyLine yang turut menyatakan tempoh ansuran bulanan Kemudahan dan maklumat lain yang dihantar kepada Pelanggan selepas kelulusan Kemudahan.
- 8.2 Selepas pengeluaran penuh Kemudahan telah dibuat, bayaran ansuran pertama hendaklah dibayar pada tarikh yang dinyatakan dalam bulan kalendar seperti berikut:
- (i) Pengeluaran yang dibuat antara 1–20 haribulan: tarikh akhir bayaran adalah pada 5 haribulan bulan berikutnya;

(ii) Pengeluaran yang dibuat pada 21-31 haribulan: tarikh akhir bayaran adalah pada 5 haribulan kedua bulan kedua berikutnya;

Bayaran ansuran berikutnya hendaklah dibayar pada tarikh yang sama setiap bulan sehingga semua amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini ("Hutang") dijelaskan dengan sepenuhnya.

- 8.3 Semua bayaran hendaklah dibuat kepada Bank tanpa sebarang potongan atau penolakan untuk cukai atau apa-apa potongan lain.
- 8.4 Sekiranya undang-undang memerlukan potongan dibuat, Pelanggan hendaklah menambah jumlah bayaran supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank adalah sama seperti jumlah yang sepatutnya diterima jika tiada potongan dibuat.

Sekiranya kadar faedah bagi Kemudahan ini berubah, Bank boleh membuat pelarasan yang perlu dengan memberikan notis bertulis awal dengan menyatakan sebab perubahan, sama ada dengan:

- (i) Mengubah jumlah ansuran bulanan Kemudahan; atau
- (ii) Mengubah bilangan tempoh ansuran yang masih berbaki.

Untuk mengelakkan keraguan, Bank akan memberikan notis awal seperti berikut:

- (i) Notis tujuh (7) hari kalendar bagi perubahan Kadar Asas; dan/atau
- (ii) Notis dua puluh satu (21) hari kalendar bagi perubahan faedah lain.

Semua bayaran yang dibuat di bawah Kemudahan ini akan digunakan untuk menyelesaikan baki tertunggak, ansuran bulanan dan/atau caj lain yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank.

- 8.5 Ansuran bulanan dan tempoh ansuran Kemudahan tidak boleh diubah oleh Pelanggan tanpa kebenaran Bank.
- 8.6 Pelanggan beraku janji untuk membuat pengaturan yang memuaskan untuk pembayaran ansuran bulanan mengikut Terma dan Syarat ini walaupun berada di luar Malaysia pada bila-bila masa.
- 8.7 Sekiranya Bank menuntut pembayaran balik Kemudahan kerana aktiviti haram atau tidak dibenarkan, Pelanggan hendaklah membayar faedah tertunggak ke atas jumlah Kemudahan dan ansuran bulanan yang belum dibayar selepas tarikh tuntutan, pada kadar yang ditetapkan oleh Bank. Faedah tertunggak akan dikira setiap hari dan, jika tidak dibayar, akan didebitkan ke akaun Pelanggan pada akhir setiap bulan kalendar dan seterusnya dikenakan faedah tertunggak.
- 8.8 Kebenaran Bayaran Bulanan
- (i) Bagi permohonan di bawah Program Pelanggan Gaji AmBank, Pelanggan dikehendaki mendaftar untuk Auto-Debit (kebenaran Bayaran Bulanan) bagi pembayaran ansuran bulanan daripada Akaun Simpanan/Akaun Semasa Gaji AmBank.
  - (ii) Pelanggan memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk mendebit ansuran bulanan, termasuk fi, faedah dan caj lain yang berkaitan, daripada akaun tersebut. Kuasa ini juga terpakai bagi sebarang kenaikan kadar faedah (jika ada) dan tiada had amaun atau kekerapan pembayaran selagi ansuran masih perlu dibayar..

- 8.9 Arahan debit terus ini tertakluk kepada:
- (i) Pelanggan memastikan dana yang mencukupi dalam akaun untuk bayaran ansuran. Sekiranya akaun Pelanggan adalah akaun semasa, Pelanggan harus memastikan baki mencukupi untuk membayar cek yang didepositkan

selepas potongan ansuran. Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang fitnah dan/atau pelanggaran kontrak dan/atau apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau caj dalam apa jua keadaan yang timbul daripada cek yang dikeluarkan daripada Akaun Pelanggan yang dipulangkan akibat dana tidak mencukupi berikutan tindakan Bank mengdebit Akaun Pelanggan menurut arahan/kuasa yang diberi. Bank berhak mengenakan caj ke atas semua arahan tetap pada tarikh matang, di mana caj tersebut tidak boleh dikembalikan walaupun arahan tersebut tidak dapat dilaksanakan akibat dana tidak mencukupi.

(ii) Walaupun Bank akan berusaha untuk melaksanakan pembayaran bulana tersebut, Bank tidak akan dipertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan pembayaran bulan tersebut atau mematuhi arahan sedemikian atas sebab-sebab yang bukan disebabkan oleh Bank atau yang berada di luar kawalan munasabah Bank atau disebabkan oleh sebarang ralat atau kerosakan sistem Bank, kecuali jika ia berpunca daripada kecuaiannya nyata atau keingkarannya sengaja oleh Pihak Bank.

#### 8.9 Skim Potongan Gaji

(i) Pelanggan diingatkan untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam akaun pengkreditan gaji bagi tujuan bayaran balik/pembayaran sekiranya gaji tidak mencukupi untuk menyelesaikan ansuran/pembayaran secara keseluruhan, atau potongan gagal disebabkan oleh sebab-sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada sekatan pengeposan, jumlah gaji tidak mencukupi, gaji tidak dikreditkan, pembayaran gaji melalui saluran selain AmBank@work Payroll Solutions, dan lain-lain.

(ii) Bagi Pelanggan yang memohon Skim Potongan Gaji, tanpa mengira tarikh ansuran/pembayaran yang perlu dijelaskan, sebaik sahaja gaji dikreditkan, jumlah ansuran/pembayaran yang perlu dijelaskan akan dipotong pada hari yang sama (atau hari berikutnya sekiranya gaji dikreditkan selepas waktu tutup Bank) bagi tujuan pembayaran.

(iii) Bagi Pelanggan yang memohon Skim Potongan Gaji, Pelanggan dikehendaki mendaftar kemudahan auto-debit melalui Akaun Semasa/Simpanan/-i AmBank@work bagi tujuan bayaran balik/pembayaran.

(iv) Pelanggan boleh memilih sehingga tiga produk pembiayaan untuk didaftarkan di bawah fungsi potongan gaji AmBank. Had ini direka untuk membantu mengurus komitmen bayaran balik/pembayaran dengan berkesan dan memastikan pengalaman yang lancar. Sekiranya anda ingin memohon lebih daripada tiga produk, sebarang permohonan tambahan akan diproses melalui prosedur permohonan standard, tanpa potongan gaji. Sekiranya pembiayaan perlu dinilai semula disebabkan had maksimum kemudahan potongan gaji telah dicapai, semua kos (jika ada) yang terlibat akan ditanggung oleh pelanggan.

### 9. FAEDAH TERKAPITAL YANG DIKECUALIKAN DARIPADA HAD KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN

9.1 Tanpa menjejaskan peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini dan hanya bagi tujuan menentukan sama ada had kelulusan Kemudahan telah melebihi atau tidak, semua faedah yang terkumpul dan dikapital dianggap sebagai faedah dan bukan jumlah prinsipal.

### 10. REBAT TAHUNAN KE ATAS FAEDAH YANG DIBAYAR (JIKA BERKENAAN)

10.1 Rebat tahunan ke atas faedah yang dibayar tidak terpakai bagi pelanggan yang memohon selepas 29 Februari 2024.

10.2 Pelanggan yang membayar ansuran bulanan tepat pada atau sebelum tarikh yang ditentukan selama dua belas (12) bulan berturut-turut akan diberikan rebat sebanyak 5% daripada jumlah faedah yang dibayar bagi tahun tersebut. Rebat ini akan diberikan pada bulan ke-13 dan dinyatakan dalam penyata bulan ke-13. Bank berhak untuk mengubah atau membatalkan rebat ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

- 10.3 Pada akhir tempoh Kemudahan, bagi bayaran tepat pada atau sebelum tarikh yang ditentukan selama sebelas (11) bulan berturut-turut, rebat tahunan akan diberikan pada bulan ke-12, iaitu ansuran terakhir.

## 11. PEMBAYARAN AWAL / PENYELESAIAN AWAL

- 11.1 Sekiranya Pelanggan memilih untuk menyelesaikan sepenuhnya hutang pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh yang ditetapkan, Pelanggan perlu memberikan notis bertulis satu (1) bulan kepada Bank.
- 11.2 Rebate bagi penyelesaian awal ("Rebat") ke atas baki faedah yang belum dikenakan akan diberikan kepada Pelanggan bagi tempoh yang belum tamat selepas tempoh notis satu (1) bulan. Rebate akan dikira mengikut formula berikut:

$$R = n(n+1)N(N+1) \times IR = \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \times IR = N(N+1)n(n+1) \times I$$

di mana:

- **R** = Rebate
- **n** = Bilangan ansuran berbaki dalam bulan
- **N** = Tempoh keseluruhan yang dipersetujui dalam bulan
- **I** = Jumlah faedah keseluruhan yang dipersetujui bagi keseluruhan tempoh pinjaman

## 12. CAJ BAYARAN LEWAT

- 12.1 Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak mengenakan caj bayaran lewat sekiranya Pelanggan gagal untuk:
- (i) Membayar semua ansuran tertunggak dan/atau jumlah penuh yang dipersetujui untuk dibayar kepada Bank pada tarikh yang ditetapkan; dan/atau;
  - (ii) Membuat pembayaran selepas tamat tempoh atau pembatalan Kemudahan.

Caj bayaran lewat akan dikira berdasarkan kadar berikut:

- **Kadar caj bayaran lewat:** 1% setahun ke atas ansuran tertunggak
- **Formula:** Ansuran tertunggak × Kadar caj bayaran lewat × (Hari tertunggak / 365)

- 12.2 Walaupun tiada tuntutan dibuat oleh Bank untuk faedah atau pembayaran lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan, kadar faedah tertunggak akan terus dikenakan sehingga tarikh pembayaran sebenar.

## 13. TEMPOH KEMUDAHAN

- 13.1 Tempoh Kemudahan adalah tempoh yang ditetapkan oleh Bank dan dipersetujui oleh Pelanggan serta dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan.

## 14. HAK UNTUK MENAMATKAN KEMUDAHAN

- 14.1 Bank berhak untuk menarik balik atau membatalkan Kemudahan pada bila-bila masa (termasuk sebelum pengeluaran) jika terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis yang munasabah. Setelah penamatan atau pembatalan Kemudahan, semua jumlah tertunggak di bawah Kemudahan ini akan serta-merta menjadi perlu dibayar sepenuhnya.
- 14.2 Bank juga berhak untuk menggantung atau menghentikan Kemudahan dengan notis yang munasabah sekiranya Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:

- (i) Mana-mana dokumen atau maklumat yang diberikan oleh Pelanggan adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan; atau
- (ii) Terdapat sebarang unsur rekaan, penipuan, pemalsuan atau kenyataan tidak benar dalam permohonan Kemudahan oleh Pelanggan.

## **15. PERNYATAAN DAN JAMINAN**

15.1 Pelanggan membuat pernyataan dan memberikan jaminan bahawa:

- (i) Pelanggan mempunyai kapasiti undang-undang penuh untuk memasuki dan melaksanakan obligasi di bawah Kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini;
- (ii) Tiada keadaan yang berlaku yang menyebabkan (atau dengan pemberitahuan atau tempoh masa atau kedua-duanya) berlakunya satu atau lebih Kejadian Keingkaran seperti yang dinyatakan di bawah;
- (iii) Pelanggan tidak melanggar mana-mana perjanjian yang boleh memberi kesan material terhadap kedudukan kewangan Pelanggan.

## **16. PENDEDAHAN MAKLUMAT**

16.1 Pelanggan dengan ini membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk:

- (i) Menggunakan atau mendedahkan sebarang maklumat berkaitan Pelanggan dan Kemudahan ini kepada mana-mana pemungut hutang/agensi pemungut hutang, agensi kawal selia, pemegang saham, perunding atau penasihat Bank, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Bank bagi tujuan penguatkuasaan hak-hak Bank di bawah Kemudahan dan Terma dan Syarat ini;

- (ii) Mendedahkan sebarang maklumat berkaitan status maklumat peribadi Pelanggan, kedudukan kredit (termasuk nombor akaun) dan pengendalian Kemudahan kepada mana-mana agensi pelaporan kredit, bank dan/atau institusi kewangan, pemegang saham Bank, perunding dan penasihat atau mana-mana pihak lain yang difikirkan perlu oleh Bank;

- (iii) Mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia berkaitan Kemudahan atau akaun Pelanggan seperti yang diperlukan.

## **17. KEJADIAN KEINGKARAN**

17.1 Bank berhak untuk menamatkan dan/atau menarik balik Kemudahan serta menuntut pembayaran penuh Hutang sekiranya:

- (i) Pelanggan gagal membayar sebarang amaun yang terhutang di bawah Kemudahan atau mana-mana pembiayaan atau kemudahan lain yang dimiliki Pelanggan dengan Bank pada tarikh yang ditetapkan;
- (ii) Terdapat pelanggaran mana-mana obligasi di bawah Kemudahan ini atau Terma dan Syarat ini atau mana-mana kemudahan lain dengan Bank atau Kumpulan AmBank;
- (iii) Pelanggan mengakui secara bertulis atau sebaliknya bahawa tidak mampu membayar Hutang apabila tiba masanya, atau Bank percaya Pelanggan tidak mampu membayar Hutang apabila matang;
- (iv) Prosiding kebangkrapan atau insolvensi dimulakan terhadap Pelanggan;
- (v) Sebarang sitaan atau perintah lain dikenakan terhadap mana-mana harta milik Pelanggan dan tidak dilepaskan dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh perintah;
- (vi) Sebarang hutang Pelanggan kepada pihak ketiga tidak dibayar pada tarikh matang atau menjadi boleh dibayar sebelum matang, atau sebarang penjaminan yang diberikan oleh Pelanggan tidak dipenuhi apabila dituntut;
- (vii) Sebarang pernyataan atau jaminan yang dibuat oleh Pelanggan kepada Bank adalah tidak benar apabila dibuat atau diulangi pada bila-bila masa, atau telah menjadi tidak benar;
- (viii) Berlaku pelanggaran Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
- (ix) Pelanggan meninggal dunia atau menjadi tidak siaman atau hilang kelayakan mental.

- 17.2 Pelanggan mesti segera memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya berlaku mana-mana keadaan di atas, kecuali bagi subperenggan (ix) di mana waris atau wakil sah Pelanggan perlu memaklumkan Bank secara bertulis.
- 17.3 Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank terhadap sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang ditanggung Bank akibat daripada mana-mana Kejadian Keingkar di atas.

## **18. KOS YANG MENINGKAT**

18.1 Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank, apabila diminta, apa-apa amaun yang ditentukan oleh Bank untuk menampung sebarang kos atau peningkatan kos sekiranya terdapat pengenalan atau pindaan mana-mana undang-undang, perintah, peraturan atau arahan rasmi (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) daripada pihak berkuasa berkaitan yang:

- (i) Menyebabkan Bank menanggung kos dalam melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini; atau
- (ii) Meningkatkan kos Bank dalam membiayai atau mengekalkan Kemudahan.

## **19. PERUBAHAN KEADAAN**

19.1 Sekiranya terdapat perubahan dalam undang-undang, peraturan, garis panduan atau keperluan oleh pihak berkuasa (atau dalam tafsiran atau pelaksanaannya), atau bagi tujuan pematuhan oleh Bank terhadap mana-mana arahan, permintaan atau keperluan yang berkenaan (sama ada berkuat kuasa atau tidak), yang mengenakan syarat, beban atau obligasi tambahan ke atas Bank sehingga menyebabkan Kemudahan menjadi terlalu membebankan untuk dikekalkan, Bank boleh menamatkan Kemudahan dengan memberikan notis yang munasabah kepada Pelanggan, dan semua jumlah tertunggak di bawah Kemudahan akan serta-merta menjadi perlu dibayar.

## **20. KOS DAN PERBELANJAAN**

20.1 Semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berkaitan atau yang timbul daripada atau berhubung dengan Kemudahan hendaklah dibayar oleh Pelanggan serta-merta apabila diminta oleh Bank.

20.2 Semua duti setem dan yuran guaman yang perlu dibayar (dikira berdasarkan kadar peguam dan anak guam) atau ditanggung oleh Bank:

- (i) Berkaitan atau berhubung dengan penyediaan Kemudahan; dan/atau
- (ii) Berkaitan dengan penguatkuasaan hak-hak Bank di bawah Kemudahan, hendaklah dibayar oleh Pelanggan apabila diminta oleh Bank.

20.3 Jika berkenaan, semua perkhidmatan, fi atau caj yang disediakan oleh Bank akan termasuk cukai semasa yang berkuat kuasa. Sekiranya terdapat perubahan undang-undang cukai yang mempengaruhi jumlah cukai atau pengenaannya ke atas sebarang fi atau caj, Bank berhak mengubah jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan.

## **21. PENYUSUNAN SEMULA**

21.1 Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat walaupun berlaku sebarang perubahan melalui penggabungan, penyusunan semula atau sebaliknya, dan tiada perubahan pihak akan menjejaskan tanggungjawab serta obligasi yang diwujudkan sama ada pada masa lalu, semasa atau akan datang.

## **22. PENGANTUNGAN AKAUN**

22.1 Dalam keadaan terhad di mana ia dianggap perlu termasuk tetapi tidak terhad kepada apabila akaun Pelanggan terjejas akibat prosiding undang-undang yang sedang berlangsung, atau apabila terdapat baki wang selepas ditolak jumlah yang terhutang oleh Pelanggan, sebarang wang yang diterima daripada Pelanggan boleh ditempatkan atau disimpan dalam akaun

tidak berfaedah (non-interest bearing suspense account) tanpa sebarang kewajipan untuk digunakan bagi menyelesaikan mana-mana hutang atau liabiliti pada masa itu.

- 22.2 Walaupun terdapat pembayaran sedemikian, sekiranya Pelanggan diisytiharkan bankrap, Bank boleh membuat tuntutan dan menerima sebarang dividen atau komposisi berkenaan keseluruhan atau sebahagian daripada hutang atau liabiliti tersebut seolah-olah Terma dan Syarat ini tidak pernah diwujudkan.

### **23. PENGGABUNGAN DAN PENYATUAN AKAUN**

- 23.1 Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan, untuk menggabung atau menyatukan mana-mana atau semua akaun Pelanggan (termasuk akaun bersama dengan pihak lain) di mana-mana cawangan, bagi sebarang liabiliti dan obligasi yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank. Hak ini boleh dilaksanakan selepas tamat tempoh notis tujuh (7) hari tersebut.

### **24. PENGIRAAN MUKTAMAD**

- 24.1 Pengiraan Hutang oleh Bank adalah muktamad melainkan dibuktikan terdapat kesilapan yang jelas dan tidak dapat dipertikaikan.

### **25. HAK UNTUK TOLAK BAKI HUTANG (SET-OFF)**

- 25.1 Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan ingkar terhadap Hutang kepada Bank dan/atau Kumpulan AmBank di bawah mana-mana kemudahan yang diberikan, Bank berhak untuk membekukan semua atau sebahagian baki dalam mana-mana akaun Pelanggan (termasuk akaun bersama dengan pihak ketiga) di mana-mana cawangan atau pejabat Bank ("Baki Tersedia") bersamaan dengan jumlah utang yang tertunggak dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan untuk menyelesaikan pembayaran tersebut.
- 25.2 Sekiranya Pelanggan gagal menyelesaikan Hutang tertunggak dalam tempoh tujuh (7) hari tersebut, Bank berhak untuk menolak balik sepenuhnya Baki Tersedia bagi menjelaskan keseluruhan Hutang tertunggak.

### **26. HAK UNTUK MEMBEKU AKAUN**

- 26.1 Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk membekukan sebarang pengeluaran dan/atau deposit ke/dari mana-mana akaunnya apabila:

- (i) Bank mempunyai alasan munasabah bahawa mandat akaun telah disalahgunakan;
- (ii) Bank mendapati bahawa maklumat/dokumen peribadi yang dikemukakan untuk pembukaan akaun adalah palsu/tidak tepat/telah diubah suai/disalah nyatakan;
- (iii) Cek/ instrumen kewangan/ jumlah yang dikreditkan ke akaun adalah hasil pemalsuan/ perubahan instrumen dan arahan/ transaksi palsu, dengan atau tanpa penglibatan Pelanggan;
- (iv) Laporan dibuat oleh pihak ketiga kepada polis/Bank bahawa akaun telah digunakan untuk transaksi palsu/ penipuan/ kutipan deposit haram atau terlibat dalam aktiviti haram;
- (v) Kematian, kebangkrutan atau permohonan penggulangan terhadap Pelanggan;
- (vi) Notis prosiding difailkan terhadap Pelanggan sebagai penghutang penghakiman;
- (vii) Bank menguatkuasakan hak untuk tolak balik di bawah Terma dan Syarat ini; atau
- (viii) Bank diarahkan untuk membekukan akaun oleh Bank Negara Malaysia/pihak berkuasa di bawah undang-undang yang berkenaan.

- 26.2 Selepas pembekuan akaun, Bank boleh memindahkan jumlah dibekukan/Baki Tersedia ke akaun tanpa faedah sehingga isu berkaitan akaun tersebut diselesaikan atau seperti diarahkan oleh mahkamah/pihak berkuasa yang berkenaan.

### **27. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN**

- 27.1 Pihak Berkaitan: Setakat pengetahuan dan maklumat Pelanggan, pemberian Kemudahan ini bukanlah transaksi pihak berkaitan dan:
- (i) Pengarah Pelanggan bukan saudara terdekat kepada mana-mana Pihak Berkaitan Bank atau mana-mana subsidiari atau entiti di bawah kawalan Bank;
  - (ii) Pelanggan tidak mempunyai kawalan ke atas mana-mana Pihak Berkaitan Bank; dan
  - (iii) Tiada Pihak Berkaitan Bank yang mempunyai kepentingan sebagai pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, ejen atau penjamin bagi Pelanggan, syarikat induk dan/atau syarikat induk muktamad Pelanggan.

Pelanggan hendaklah segera memaklumkan Bank sekiranya perkara di atas tidak lagi benar atau tepat, dan memberikan butiran nama Pihak Berkaitan tersebut beserta hubungan mereka.

## **28. NOTIS**

- 28.1 Sebarang tuntutan atau notis kepada Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengurus atau pegawai yang diberi kuasa oleh Bank atau mana-mana peguam/ firma guaman yang mewakili Bank. Notis tersebut boleh dihantar melalui surat beralamat kepada Pelanggan atau, termasuk tetapi tidak terhad kepada, writ saman atau dokumen guaman yang dihantar melalui pos biasa atau diserahkan secara peribadi ke alamat Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Kemudahan atau alamat terakhir yang diketahui. Notis melalui pos dianggap diterima selepas tujuh (7) hari kalendar dari tarikh ia dihantar; notis melalui serahan tangan dianggap diterima pada tarikh penghantaran.
- 28.2 Sebarang notis yang perlu diberikan oleh Pelanggan kepada Bank hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh Pelanggan, dan dihantar melalui pos berdaftar atau serahan tangan ke alamat Bank seperti yang dinyatakan di sini atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Bank. Notis hanya dianggap diterima pada tarikh penerimaan sebenar oleh Bank.
- 28.3 Mana-mana surat, tuntutan, notis, penyata, peringatan atau sijil (secara kolektif dirujuk sebagai “Dokumen Berkenaan”) yang dikeluarkan oleh Bank tidak perlu ditandatangani oleh pegawai Bank jika dinyatakan bahawa ia dijana oleh komputer dan tidak memerlukan tandatangan.

## **29. LIABILITI**

- 29.1 Bank hendaklah diberi pampasan oleh Pelanggan bagi sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung Bank akibat daripada sebarang kiriman Insurans.
- 29.2 Bank boleh menolak permohonan Kemudahan dan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang timbul daripada penolakan tersebut.

## **30. GANTI RUGI (INDEMNITI)**

- 30.1 Bank tidak akan bertanggungjawab dan menafikan semua liabiliti terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada kelulusan Kemudahan ini, kecuali jika kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaiannya nyata, keingkaran sengaja atau salah laku Bank.

## **31. FORCE MAJEURE**

- 31.1 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kegagalan melaksanakan obligasinya akibat peristiwa di luar kawalan Bank, termasuk bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman tanah, atau rusuhan awam seperti mogok, kekecohan industri, rusuhan, peperangan, atau sebarang keadaan lain yang diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.

## **32. AKTA PENGUBALAN WANG HARAM, PEMBIAYAAN ANCAMAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (“AMLATFA”) DAN AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010 (“STA”)**

- 32.1 Pelanggan menyatakan dan memberi jaminan bahawa:
- (a) melainkan dan sehingga Pelanggan memaklumkan sebaliknya secara bertulis:
    - (i) Pelanggan adalah penghutang utama berhubung dengan Kemudahan;
    - (ii) tiada pihak lain selain Pelanggan mempunyai atau akan mempunyai kepentingan dalam Kemudahan; dan
    - (iii) semua wang yang dibayar kepada Bank, semua cagaran dan/atau penjaminan (jika ada) adalah daripada sumber yang sah dan tidak bercanggah dengan AMLATFA atau STA.
  - (b) sekiranya Pelanggan bertindak sebagai perantara bagi pihak lain:
    - (i) Bank boleh meminta dan Pelanggan bersetuju dan berikrar untuk mengemukakan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki Bank termasuk salinan benar yang diperakui bagi sebarang kebenaran bertindak atau dokumen yang mungkin diperlukan bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diberi oleh pelanggan, di mana salinan tersebut boleh disimpan oleh Bank;
    - (ii) Pelanggan selanjutnya mengistiharkan dan mengesahkan bahawa semakan “kenali pelanggan anda” (KYC) telah dijalankan termasuk tetapi tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan sifat perniagaan benefisiari tersebut, dengan pengesahan oleh Pelanggan bahawa wang, dana dan cagaran adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukan daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah AMLATFA atau yang bertentangan dengan STA; dan
    - (iii) Adalah dengan ini persetujui dan difahami dengan jelas bahawa pemberian butiran benefisiari tidak menjadikan benefisiari tersebut sebagai pelanggan Bank dan Bank berhak untuk mengekalkan Pelanggan sebagai penghutang utama.
- 32.2 Sebagai tambahan kepada Klausula 32.1 (a) dan (b) di sini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan berikrar secara muktamad dan tanpa syarat bahawa:
- (i) Pelanggan hendaklah mendedahkan dan mengemukakan kepada Bank apa-apa maklumat yang dikehendaki atau dianggap perlu dan memuaskan Bank dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank, sama ada bagi tujuan pematuhan dengan undang-undang, peraturan, garis panduan, arahan dan panduan BNM dan/atau sebagaimana yang diberikan, dibuat atau ditetapkan oleh Bank;
  - (ii) Sementara menunggu penerimaan maklumat oleh Bank daripada Pelanggan dan sehingga maklumat tersebut diterima dan disahkan memuaskan oleh Bank dan/atau pihak berkuasa berkaitan, Bank tidak wajib untuk meneruskan sebarang transaksi atau pembayaran keluar dan tidak juga wajib menerima sebarang wang, dana atau cagaran (“Aset”). Berhubung dengan Aset yang telah berada dalam pemilikan Bank, Bank berhak (dan diberi kuasa) untuk mengekalkan Aset tersebut buat sementara waktu; sebarang Aset yang diminta untuk dikembalikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain hanya akan dikembalikan setelah Bank menerima pengesahan yang memuaskan daripada pihak berkuasa berkaitan;
  - (iii) Pelanggan tidak akan menggunakan Kemudahan ini untuk tujuan pengubahan wang haram atau melanggar mana-mana undang-undang berkaitan pengubahan wang haram di bawah AMLATFA atau yang bercanggah dengan STA; dan
  - (iv) Dalam apa jua keadaan, Bank atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan AmBank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa liabiliti secara langsung, tidak langsung, berbangkit, atau apa-apa kerugian dalam apa jua bentuk atau bagaimana jua yang timbul daripada atau disebabkan oleh pelaksanaan tanggungjawab Bank di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, khususnya tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab statutori di bawah AMLATFA atau STA.
- 32.3 Sekiranya pembayaran balik Kemudahan didapati berasal daripada sumber yang menyalahi undang-undang selepas pelepasan liabiliti, pelepasan tersebut adalah terbatal secara automatik dan Pelanggan kekal bertanggungjawab membayar hutang serta menanggung rugi Bank atas sebarang kerugian.

### 33. UNDANG-UNDANG

33.1 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan pihak-pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

#### **34. PENGGANTIAN**

34.1 Terma dan Syarat ini mengikat waris, wakil, dan pengganti pihak-pihak yang terlibat.

#### **35. PRIVASI**

35.1 Pelanggan dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang boleh didapati di [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)) dan Pelanggan terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank serta klausa di sini berhubung dengan pemrosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelak sebarang keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi dianggap digabungkan dengan merujuk kepada Borang Permohonan dan Terma dan Syarat ini.

35.2 Jika Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan keluarga dan tanggungan (bagi Pelanggan individu) untuk tujuan membuka atau melaksanakan Kemudahan dengan Bank atau melanggan produk dan perkhidmatan Bank, dengan ini Pelanggan:

(a) mengesahkan bahawa beliau telah diberi kuasa atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada Bank dan bagi kegunaan Bank selaras dengan Borang Permohonan dan Terma dan Syarat ini serta untuk memberikan maklumat berhubung produk, perkhidmatan dan tawaran (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran daripada Kumpulan AmBank) yang Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin penting dan bermanfaat kepada mereka;

(b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah benar dan tepat;

(c) bersetuju untuk mengemas kini secara berkala jika terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan

(d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan sekiranya kebenaran untuk menggunakan maklumat tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga.

35.3 Tambahan pula, tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada Bank, Bank boleh mendedahkan maklumat pelanggan kepada mana-mana syarikat lain dalam Kumpulan AmBank dan/atau rakan perniagaan strategiknya untuk menghubungi Pelanggan berhubung produk, perkhidmatan atau tawaran, yang Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin penting dan bermanfaat kepada Pelanggan.

35.4 Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pelanggan menggunakan pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, mesej elektronik/peranti mudah alih, faksimili atau pos, kepada maklumat hubungan yang diberikan oleh Pelanggan.

35.5 Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank pada bila-bila masa sekiranya Pelanggan memilih untuk tidak menerima sebarang bentuk komunikasi berhubung pemasaran oleh Bank, Kumpulan AmBank dan/atau rakan perniagaan strategiknya, dengan menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank melalui cara berikut:

AmBank (M) Berhad, Contact Centre – One Stop Resolution

Waktu Operasi: 7 pagi – 11 malam

Nombor Perhubungan: 03 – 2178 8888

E-mel: [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

- 35.6 Arahan terkini Pelanggan adalah terpakai. Pelanggan bersetuju bahawa sebahagian daripada komunikasi seperti penyata berhubung Kemudahan kepada Pelanggan dan laman sesawang Kumpulan AmBank boleh mengandungi maklumat am mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/pengoperasi sebahagian Kemudahan dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Pelanggan.
- 35.7 Bank boleh menggunakan agensi pelaporan kredit bagi membantu proses membuat keputusannya, seperti apabila Bank dikehendaki untuk:
- (a) menyemak butiran permohonan Kemudahan, pembiayaan dan perkara berkaitan pembiayaan atau Kemudahan lain yang diberikan kepada pemohon;
  - (b) mengurus dan menyemak Kemudahan tersebut; dan/atau
  - (c) mendapatkan kembali hutang daripada pemohon.
- 35.8 Pelanggan akan dipautkan dengan agensi pelaporan kredit kepada nama lain yang digunakan atau mungkin telah digunakan oleh Pelanggan, dan mana-mana pemohon sama ada secara bersama atau berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat mengenai mana-mana Pelanggan dan bagaimana Pelanggan mengurus Kemudahan tersebut dengan agensi pelaporan kredit yang berkaitan.
- 35.9 Walaupun Pelanggan telah memberikan maklumat tersebut kepada Bank, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan sebelum ini. Dalam keadaan tersebut, Bank berhak untuk menolak atau menghentikan pemberian mana-mana Kemudahan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.

## **36. PINDAAN / PERUBAHAN**

- 36.1 Dalam keadaan terhad di mana ia dianggap wajar dan perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pematuhan terhadap mana-mana undang-undang dan/atau garis panduan kawal selia yang berkenaan dengan Kemudahan, atau apabila terdapat kesilapan nyata yang tidak disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Bank, Bank berhak untuk meminda mana-mana Klausula dalam Perjanjian ini atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian kemudahan dengan skim lain, dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 36.2 Bank boleh memberikan notis tersebut kepada Pelanggan melalui satu atau lebih kaedah berikut:
- (i) Notis di papan kenyataan / kawasan yang jelas kelihatan di cawangan Bank;
  - (ii) Notis pada skrin paparan terminal elektronik Bank;
  - (iii) Notis di laman web Bank;
  - (iv) Notis dalam penyata akaun berkala yang dihantar kepada Pelanggan;
  - (v) Notis bertulis dalam format yang dipilih Bank ke alamat Pelanggan seperti yang direkodkan dalam rekod Bank; dan/atau
  - (vi) Notis melalui kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank dan boleh diterima oleh Pelanggan yang mudah terjejas.
- 36.3 Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan pindaan Terma dan Syarat ini, Pelanggan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis dan menebus Kemudahan dengan membayar semua jumlah terutang kepada Bank.
- 36.4 Sekiranya Pelanggan terus mengekalkan Kemudahan selepas tamat tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh notis pindaan, Pelanggan dianggap telah menerima pindaan tersebut.
- 36.5 Pindaan dan perubahan ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis dan peruntukan yang berkaitan dalam Perjanjian ini akan dipinda atau diubah suai sewajarnya.

## **37. PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG**

37.1 Pihak-pihak bersetuju bahawa penyampaian mana-mana Writ Saman atau proses undang-undang berkaitan sebarang tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini boleh dibuat dengan menghantar salinan melalui pos berdaftar prabayar dan salinan melalui pos biasa ke alamat Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan Kemudahan atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Pelanggan dari semasa ke semasa, dan/atau alamat Bank seperti yang dinyatakan di sini atau alamat berdaftar Bank dengan Bank Negara Malaysia, mengikut mana yang berkenaan.

### 38. SYARAT-SYARAT LAIN

38.1 Penggunaan Kemudahan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Dengan memohon Kemudahan ini, Pelanggan bertanggungjawab untuk menilai Terma dan Syarat ini.

38.2 Pelanggan mengesahkan bahawa beliau tidak bergantung kepada sebarang nasihat, pernyataan atau janji yang dibuat oleh kakitangan atau wakil Bank yang tidak dinyatakan secara jelas dalam Terma dan Syarat ini, dan dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat guaman bebas.

38.3 Bank boleh melaksanakan sebarang hak, kuasa dan/atau remedi yang dimilikinya sama ada dinyatakan di sini atau yang diberikan oleh undang-undang. Kegagalan Bank untuk bertindak apabila berhak berbuat demikian **tidak** bermaksud:  
(i) Bank bersetuju dengan pelanggaran oleh Pelanggan; atau  
(ii) Bank melepaskan haknya; atau  
(iii) Bank dihalang untuk bertindak kemudian.

38.4 Jika Bank telah secara jelas menyetujui suatu keingkaran oleh Pelanggan, ia tidak menjejaskan hak Bank untuk bertindak terhadap sebarang keingkaran lain, sama ada sebelum atau selepas penepian tersebut.

38.5 Tanpa menjejaskan Klausula 36.1 di atas, Bank berhak, dalam keadaan terhad yang dianggap wajar dan perlu (contohnya akibat perubahan undang-undang atau peraturan atau kesilapan nyata yang tidak disebabkan oleh Bank), untuk menambah, mengubah, memisahkan, mengganti atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma dan Syarat ini atau menggantikan Kemudahan dengan skim lain, atau menarik balik Kemudahan sepenuhnya, dengan memberikan notis bertulis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

38.6 Pelanggan hendaklah melayari laman web [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) untuk mendapatkan Terma dan Syarat terkini.

38.7 Sebarang aduan berhubung Kemudahan ini boleh dikemukakan kepada:

AmBank (M) Berhad Contact Centre - One Stop Resolution  
Aras 18, Menara AmBank, No. 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.  
Tel: 03 – 2178 8888  
Emel: [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

38.8 Sekiranya aduan tidak dapat diselesaikan atau Pelanggan tidak berpuas hati dengan keputusan Bank, perkara tersebut boleh dirujuk kepada:

**Bank Negara Malaysia - BNMLINK di:**

Alamat: 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 88 5465  
Faks: +603 2174 1515  
Laman web: [bnm.gov.my](http://bnm.gov.my)/BNMLINK [[bnm.gov.my](http://bnm.gov.my)]

**Nota:** Versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini juga tersedia.